

Makalah

MENABUR BUDI MENDIDIK ROHANI

EDISI 2
JANUARI – JUN 2018



Majlis Khatam Al-Quran Perdana



KEMBARA ENTERPRETASI BUMI
ANBIYA' SIRI II MAKKAH MADINAH




AMANAT NAIB CANSOLOR
BERSAMA PUSAT ISLAM



SEMINAR ISU-ISU AKIDAH DI
MEDIA SOSIAL PERINGKAT IPT

Sidang Editorial



Penasihat

Azhar bin Muhammad
Mohd Zain bin Mubarak

Ketua Editor

Muhd Khalid El-Muhammady bin
Muhd Uthman El-Muhammady

Penolong Ketua Editor

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

Sidang Editor

Mohd Binyamin bin Che Yaacob
Nor Zakwan bin Che Musa
Norma binti Abdullah
Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

Fotografi

Khairudin bin Mat Lazim

Percetakan dan Edaran

Wan Mohd Amir bin Yusoff
Muhammad Husni bin Kamaruddin

EDITOR MAKALAH

Pusat Islam UMK
Tel : 09-7797474

Emel : pusatislam@umk.edu.my

Facebook : PUSAT ISLAM UMK



Kalam PENGARAH

Sekali lagi Makalah Pusat Islam UMK dapat diterbitkan untuk paparan yang lebih bertenaga selepas keluaran edisi pertama pada tahun lepas. Alhamdulillah, penampilan Makalah kali ini lebih bersifat semasa disediakan khusus untuk menampilkan segala perkembangan dan pembangunan Pusat Islam UMK sebagai sebuah pusat perkhidmatan berteraskan kerohanian kepada staf, pelajar dan masyarakat.

Makalah kali ini dimuatkan dengan pelbagai informasi tentang Pusat Islam UMK khususnya program-program yang telah dilaksanakan sejak dari awal hingga ke pertengahan tahun 2018. Pusat Islam UMK telah mengorak langkah ke arah loncatan berganda dalam merencana dan merealisasikan segala bentuk program dan aktiviti. Melalui paparan kali ini, Pusat Islam UMK telah berjaya membuktikan daya perkembangannya dalam menyediakan khidmat kepada warga universiti dan masyarakat luar.

Gaya persembahan Makalah dalam bentuk perkhidmatan dan imej ini menggambarkan inisiatif Pusat Islam UMK sebagai sebuah pusat perkhidmatan yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti berunsur kerohanian dan pembangunan insan secara holistik; mengimbangi antara rohani dan jasmani, mewujudkan budaya cinta terhadap ilmu, nilai dan adab yang menjamin kebahagiaan duniawi dan ukhrawi.

Elemen kerohanian terkadang banyak dilupai hingga memungkinkan seorang manusia itu makin jauh daripada agama, makin terjarak meruangkan diri untuk mendekati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Menyedari fenomena ini, maka Pusat Islam UMK sentiasa bertekad mempertingkatkan lagi kualiti memperkasa dan memantapkan agenda membudayakan ilmu dan rohani dalam ruang lingkup melaksanakan kerja atau tugas. Semoga dengan semua bentuk pengisian ini akan menjadikan kita sentiasa beringat mengamalkan ajaran agama, tuntutan ilmu dan cerminan adab semasa menjalankan amanah; agar selari dengan apa yang diredai Allah dan Rasul-Nya. Usaha merancang dan membangun matlamat yang mulia ini memerlukan komitmen jitu daripada semua pihak. Kita perlu membugarkan peranan masing-masing bagi membentuk budaya yang terpuji ini. Saf kepimpinan harus bertanggungjawab menunjuk teladan kepada seluruh warga; pentadbir perlu menggerakkan jentera pentadbiran; ketua jabatan perlu membimbing staf; pensyarah perlu mendidik pelajar; sebuah unit, jabatan, pusat atau fakulti perlu mengarahkan warga kerja masing-masing; dan pelajar perlu berperanan sebagai seorang yang terpelajar. Matlamatnya tidak lain kecuali untuk mendokong agenda yang mulia ini.

Justeru Makalah berperanan menampilkan segala bentuk agenda ini untuk tatapan semua; bukan untuk berbangga dengan apa yang dicapai, tetapi agar ia menjadi satu teladan bagi penerusan agenda berikutnya. *Insha Allah* usaha murni ini perlu diteruskan dengan lebih proaktif dan berdaya saing bagi menghasilkan keluaran yang lebih berkualiti di maasa akan datang. Terima kasih kepada semua pihak yang bermujahadah dan beristiqamah melangsungkan penerbitan Makalah kali ini. *Jazakumullahu Khayral Jaza*'.

Sekian, wassalam.

Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad

Isi Kandungan

Sidang Editorial	2
Kalam Pengarah	2
Isi Kandungan	3
Tinta Ketua Editor	3
Akidah Berperanan, Pelajar Cemerlang	4
Amanat Naib Canselor	6
Seminar Isu-isu Akidah di Media Sosial Peringkat Institut Pengajian Tinggi	6
Pelantikan Pengarah sebagai Penasihat Persatuan Rumah Ngaji Kelantan	7
Keratan Akhbar	7
Hayati Kepintaran Rohani	8
Sumbangan Zakat RM 50.000 Bank Islam	9
Kunjungan Rumah Ngaji Kelantan ke Pusat Islam	9
Pembentangan Wakaf Bersama Pengurusan MAIK	10
Pembentangan Wakaf kepada Majlis Ulama'	10
Kelas Ilmu Siswi	10
Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (JAHEIS)	11
Pelantikan Amil Fitrah 2018	11
Kunjungan Hormat Pusat Islam ke Pejabat Agama Jajahan Bachok	11
Kunjungan Hormat Pusat Islam ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan	12
Pusat Islam Dijemput Dalam Program Prof@School	12
UMK Sebagai Universiti Angkat Zakat (UAZ) Selangor	12
Majlis Khatam Al-Quran Perdana	13
Siri Ceramah Kuliah Zohor Ramadan	14
Kunjungan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPEIM) ke Pusat Islam	14
Kunjungan Hormat Pusat Islam ke Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	15
Kursus Pra-Perkahwinan	15
Kenali Staf	16
Staf Pusat Islam Bersama Program Kembara Bumi Anbiya'	16
Ustaz Binyamin Dilantik Sebagai Presiden KKSU	17
Pusat Islam Ketuai Takbir Raya UMK	17
Empat Pelajar Praktikal USIM di Pusat Islam	17
Mesyuarat Wakaf Asrama UMK Kampus Jeli	18
Laporan Majlis Budaya Ilmu	18
Penubuhan Kelab Kebajikan Staf Pusat Islam (KPI)	19
Lansa@UMK : Aktiviti Kelab Jawatankuasa Teman	19

Tinta KETUA EDITOR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah segala puji-pujian hanya bagi Allah SWT Pencipta sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi dan Rasul SAW. Syukur kepada Allah SWT dengan sifat Rahman dan Rahim-Nya Makalah Pusat Islam Edisi Kedua dapat diterbitkan dengan sokongan dan dokongan daripada warga Pusat Islam UMK yang berganding bahu memberikan penuh komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada tugas yang telah diberikan.

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada sidang redaksi Makalah atas kejayaan menerbitkan Makalah yang istimewa ini. Edisi kedua ini memberikan persembahan yang lebih segar dengan nukilan ilmiah daripada warga PIUMK. Selain itu, persembahan laporan program dan berita yang bersifat mesra pembaca dan menarik untuk dilihat.

Selain itu, Makalah ialah naskhah yang memaparkan kegiatan sepanjang setengah tahun 2018. Bagi warga Pusat Islam, butiran dan gambar yang dimuatkan bakal menjadi kenangan indah bagi tempoh tersebut. Walaupun dunia moden sains dan teknologi memberikan cabaran kepada media cetak namun dokumentasi rasmi buletin tetap relevan sehingga kini.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Editorial Makalah yang memberi sokongan dan dokongan yang mantap. Kepada pembaca Makalah, semoga beroleh manfaat untuk dikongsi dan disebarakan bersama.

Sekian, terima kasih.

Muhd Khalid El-Muhammady bin
Muhd Uthman El-Muhammady

Akidah Berperanan, Pelajar CEMERLANG

Oleh : Azhar bin Muhammad

Akidah mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan individu kerana ia merupakan pendorong utama terhadap pembentukan kesan-kesan positif dalam diri. Berasaskan dorongan ini, pendidikan akidah berperanan dalam pembentukan diri setiap individu. Pengaruh pendidikan akidah ini dapat memberi kesan yang jitu kepada pelajar sama ada di peringkat rendah dan menengah atau mahasiswa di peringkat universiti terutama untuk memandu mereka ke arah kecemerlangan. Sayugia diingatkan bahawa kecemerlangan mengikut perspektif Islam bukan hanya diukur berasaskan pencapaian akademik semata-mata, tetapi cemerlang yang mampu membawa seseorang mencapai keredaan Allah dalam kehidupannya dunia dan akhirat. Justeru sudah tentu kecemerlangan mahasiswa muslim termaktub pada pemilikan akidah yang mantap.

Akidah Memakmur Alam

Pelajar berakidah mantap akan mempersiapkan diri untuk menerima tanggungjawab besar memakmurkan alam ini. Pelajar sedemikian akan berusaha untuk membuat persediaan dan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bagi memikul amanah ini. Akidah mengajar manusia yang dijadikan khusus oleh Allah untuk mengabdikan diri kepada-Nya melalui satu rangka pengabdian yang agak unik dalam konteks menjalankan amanah Allah. Amanah yang dimaksudkan tidak lain ialah berperanan selaku khalifah yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus bumi.

Maksud firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tentang amanah ini dalam Surah al-An'am (6:165): ... dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat.

Pelajar sebegini akan berfikir jauh ke hadapan; dapat mencipta dan menghasilkan sesuatu secara kreatif dan inovatif. Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam mampu membina tamadun yang unggul hasil daripada keutuhan akidah, kelaziman beramal dan keikhlasan mereka untuk Islam. Perhatikan sahaja nama-nama hebat seperti Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Khawarizmi, dan para ilmuwan Islam yang lain; mereka ini terdiri dalam golongan sarjana ulung yang bersandarkan kepada akidah yang mantap serta terdidik melalui bimbingan al-Quran.

Akidah Membentuk Personaliti

Akidah yang mantap mampu membentuk keperibadian seorang pelajar. Akidah dapat membentuk dan mendidik orang yang berikat janji dengannya bagi membentuk sifat-sifat naluri, akal fikiran, dan perilakunya. Pendidikan akidah bermatlamat untuk membentuk nilai akhlak dan keperibadian seseorang insan yang akan mencorakkan segala bentuk gerak laku amal perbuatan selaras dengan peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Akidah boleh merangsang dan memotivasikan seseorang insan untuk melakukan amalan baik dan mulia dalam hidupnya. Peranan ini jelas kerana akidah yang tersemat kukuh dalam diri individu muslim akan menggerakkan seluruh anggota untuk menterjemahkan secara praktikal seluruh ajaran Allah yang diyakininya benar dan perlu dihayatinya dalam kehidupan.

Apabila manusia sedar tanggungjawabnya, manusia tidak akan melakukan perbuatan yang sia-sia kerana akidah yang mantap telah menghasilkan natijah yang positif dalam pelakuannya. Orang yang beriman dengan kewujudan Allah dan sentiasa menyedari perbuatan dan perilaku hidupnya tidak terlepas daripada penilaian-Nya akan membentuk satu kesedaran jiwa dalam dirinya. Manusia yang berakidah mantap, semestinya seorang yang mempunyai pegangan hidup yang kukuh berteraskan keimanan kepada Allah melalui pelakuan terhadap amalan yang dituntut. Semua ini akan melengkapkan diri seseorang dengan nilai-nilai yang baik dan indah yang terangkum dalam istilah "akhlak". Inilah punca akhlak Rasulullah *Sallahu'Alayhi Wasallam* sebagaimana yang disebut oleh Aisyah *Radiallahu 'Anha* apabila ditanya kepada beliau berkenaan perkara tersebut. Jawapan Aisyah yang ringkas jelas membawa maksud "akhlaknya menggambarkan al-Quran".

Masa kini banyak gejala negatif semakin berleluasa yang mendedahkan pelajar kepada perkara-perkara sumbang yang jelas menjurus kepada kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Budaya negatif ini muncul di mana-mana sahaja keberadaan seseorang sama ada di rumah, kampus atau persekitaran lain menghakis budaya positif yang sepatutnya dipraktikkan dalam kehidupan seorang pelajar.

Justeru akidah yang mantap sahajalah mampu bertindak sebagai perisai bagi setiap individu sesuai dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam al-Quran dalam Surah al-Baqarah (2:256) yang bermaksud :

Sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus.

Lihatlah contoh pemuda-pemuda yang ingin dibentuk oleh Islam hasil daripada akidah yang mantap sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran (Surah al-Kahf, 18:13) yang bermaksud:

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah mereka dengan hidayah petunjuk.

Akidah yang mantap juga bukan sahaja menjana keperibadian pelajar, tingkah laku dan akhlak yang murni, malah mendorong mereka menghargai hak orang lain seperti hak jiran, hak sahabat, hak keluarga, hak penganut agama lain dan hak semua orang. Sekali gus pendidikan akidah ini mampu mendidik manusia saling hormat menghormati antara satu sama lain, sayang menyayangi sesama makhluk, hidup dalam satu komuniti yang aman damai, dan seumpamanya yang mendorong kepada kehidupan yang harmonis. Semua budaya positif ini terhasil daripada pegangan akidah yang kukuh pada setiap diri pelajar.

Akidah Menolak Fahaman Sesat

Akidah yang mantap mampu membawa seseorang memahami hakikat Islam yang sebenar. Ia dapat mempertahankan seseorang daripada terpengaruh kepada pelbagai bentuk fahaman yang mencemarkan kemurnian Islam. Kepelbagaian fahaman serta idealism baharu terhadap agama yang diperkenalkan dalam dunia masa kini boleh menggugat pegangan akidah seseorang. Antara serangan pemikiran ke atas umat Islam yang cukup bahaya pada hari ini ialah sekularisme, liberalisme, femanisme dan pluralisme. Sebagai contohnya penyelewengan yang dibawa oleh gagasan Islam Liberal yang membawa idea Islam bukan satu-satunya agama yang benar, semua agama adalah sama kerana menyeru kepada kebaikan, wanita Islam bebas untuk tidak menutup aurat asalkan menunaikan solat fardu lima waktu, hukum-hakam Islam perlu ditafsirkan semula untuk disesuaikan dengan keadaan zaman, dan pelbagai lagi.

Begitu juga dengan idealism yang lebih drastik seperti mana yang dicanangkan oleh golongan pembawa ajaran sesat, fahaman Syiah, ekstremis agama, *Islamic State* (ISIS), Salafi Jihadi dan lain-lain.

Penyebaran doktrin ajaran seumpama ini amat merbahaya kerana ia membolehkan tindakan secara keras, dapat memberi kesan yang negatif kepada kesejahteraan rakyat dan mengancam keselamatan negara.

Begitu juga dengan pengaruh negatif media massa kepada pelajar hari ini. Media massa yang didatangkan pada hari ini dalam kepelbagaian aplikasi dengan mudah dapat mempengaruhi pelajar bukan hanya dalam negara bahkan di peringkat global. Jika pelajar tidak mempunyai kekuatan dari aspek akidah, berkemungkinan mereka akan mudah dibawa oleh arus yang dimomokkan oleh media massa ini. Ia mampu mempengaruhi pelajar dengan budaya hedonisme atau mementingkan hiburan melampau. Pelajar yang terpengaruh dengan budaya ini akan terus leka diulit dengan dunia hiburan semata-mata tanpa mengambil peduli lagi penghayatan agama serta melupakan akidah yang dibawa oleh Islam.

“**Sayugia diingatkan bahawa kecemerlangan mengikut perspektif Islam bukan hanya diukur berasaskan pencapaian akademik semata-mata, tetapi cemerlang yang mampu membawa seseorang mencapai keredaan Allah dalam kehidupannya dunia dan akhirat**”

Rumusan

Sepatutnya pemantapan akidah pelajar merupakan suatu perkara yang perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak terutama pada zaman yang sangat mencabar ini. Pelajar yang masih merasakan akidah mereka belum mencapai ke tahap yang wajar bagi seorang muslim, maka amat perlu bersegera mencari jalan untuk memantapkannya walau dengan apa cara sekalipun. Keperluan kepada akidah yang mantap amat didambakan oleh mana-mana pelajar bagi meneruskan kecemerlangan diri dan masyarakat dalam segenap aspek kehidupan bukan sahaja di dunia, malah di akhirat. Pembelajaran ilmu-ilmu akidah untuk memantapkannya perlu dipergiatkan semasa belajar di universiti. Pusat Islam Universiti di mana-mana institusi pengajian tinggi amat sesuai untuk dirujuk dan sentiasa bersedia dan bersiap siaga untuk membantu pelajar yang memerlukan khidmat sebegini terutama bagi menjamin keutuhan akidah mereka.

AMANAT NAIB CANSOLOR



BACHOK, 10 Jun 2018 – Pusat Islam telah menerima kunjungan daripada Naib Canselor UMK, Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Husaini Omar dalam rangka Majlis Amanat Naib Canselor bersama Pusat Islam. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak dan semua staf Pusat Islam dari ketiga-tiga kampus. Majlis yang bermula pada jam 5.30 petang tersebut bermula dengan ucapan Yang Berbahagia Naib Canselor yang menyatakan hasrat beliau untuk melihat UMK lebih progresif seiring dengan matlamat kerajaan dalam memperkasakan lagi institusi pendidikan. Beliau juga berharap dengan adanya Pusat Islam, ia dapat menjadikan UMK punya kelebihan dalam hal-hal berkaitan keagamaan dan kerohanian kepada seluruh warga kampus. Beliau turut menegaskan perlunya sikap yang proaktif dan berdaya saing daripada setiap staf UMK untuk merealisasikan visi dan misi universiti. Majlis tersebut diakhiri dengan sesi fotografi dan majlis berbuka puasa.

SEMINAR ISU-ISU AKIDAH DI MEDIA SOSIAL PERINGKAT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

PENKALAN CHEPA, 7 Mac 2018 – Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah menganjurkan Seminar Isu-Isu Akidah di Media Sosial Peringkat IPT 2018 bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Fokus seminar memperjelaskan tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada mahasiswa agar tidak terpengaruh dengan dakyah yang mengancam akidah di media sosial. Seminar ini disertai kira-kira 500 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa IPT seluruh negeri Kelantan, antaranya mahasiswa UMK Bachok, Kampus Kota dan Kampus Jeli, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok (IKTBN), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, wakil-wakil Pejabat Agama Jajahan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Nilam Puri dan wakil Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Seminar turut disertai oleh staf dan pegawai yang mengiringi pelajar mereka ke seminar tersebut. Penganjuran seminar ini bertujuan memberi kesedaran kepada golongan mahasiswa mengenai kepentingan menjaga kesucian akidah Islam dalam era yang serba canggih dan dunia tanpa sempadan pada hari ini dan sebagai satu langkah yang proaktif dalam usaha membendung gejala yang kurang sihat yang boleh meruntuhkan akidah umat Islam terutamanya dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Islam, melalui penyebaran pelbagai maklumat dalam medium sosial seperti laman web, blog, facebook, twitter, whatsapp, youtube dan lain-lain. Panel pertama yang membentangkan kertas kerja dalam seminar tersebut ialah Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Bin Muhammad, manakala panel kedua disampaikan oleh Ustaz Mohd Aizam Bin Mas'ud, Penolong Pengarah (Pegawai Penyelidik) JAKIM. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad yang membentangkan tajuk "Pemantapan Akidah Tunjang Kecemerlangan Mahasiswa Islam" menekankan tentang akidah sebagai sesuatu elemen yang sangat penting dalam kehidupan mahasiswa yang boleh membawa mereka kepada kecemerlangan dalam akademik.. Tambah beliau lagi, akidah mampu memantapkan ilmu mahasiswa dan membentuk pembangunan mahasiswa secara menyeluruh merangkumi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Turut hadir dalam seminar tersebut, Hajah Arnizam binti Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Penyelidikan) JAHEAIK, Hajah Noorlailawati binti Mamat, Ketua Penolong Pengarah (Dakwah) JAHEAIK, dan pegawai-pegawai UMK dan JAHEAIK. Perasmian penutup disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Operasi) JAHEAIK, YBrs. Dr. Hasnan bin Haji Ramli.

PELANTIKAN PENGARAH SEBAGAI PENASIHAT PERSATUAN RUMAH NGAJI KELANTAN

KOTA BHARU, 18 Mac 2018 – Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad telah dilantik sebagai Penasihat Persatuan Rumah Ngaji Kelantan. Beliau berkata pada Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan baru-baru ini, persatuan tersebut dilihat sebagai contoh kepada setiap lapisan masyarakat dan diberi harapan yang besar untuk melihat pembudayaan Al-Qur'an lebih dimartabatkan lagi di negeri ini. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi Persatuan Rumah Ngaji Kelantan, Datuk Adnan Hashim, Pengurus Cawangan Sinar Harian Kelantan, Puan Surena Md Noor dan lain-lain lagi.



40
LENSA

ISIN 26 MAC 2018 • SINAR HARIAN

'Kita perlu jadi contoh'

Persatuan Rumah Ngaji Kelantan main peranan ajak rakyat dekati al-Quran

ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Persatuan Rumah Ngaji Kelantan perlu menjadi contoh dan juga memulakan lagi penempatan terhadap rakyat di negeri Sembah Melaka ini yang digambarkan sula serta hebat dengan ilmu agamanya.

Penasihat persatuan, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, pihak luar sepatutnya mengajuk yang sangat tinggi, maka persatuan perlu mempromosikan perantaraan yang besar untuk mengajuk seluruh nak

yang mendekati al-Quran. "Bukan sahaja dekat tetapi mengamalkannya, memahaminya dan bertadab. Tetapi masalahnya bila ada di antara kita yang masih belum lagi dapat membaca surah Al-Fatihah dengan betul dan juga tidak boleh mengafal maksud di sebalik ayat tersebut.

"Berada di tempat mudah sahaja tetapi hakikatnya ia perkara seronok. Persatuan kena menjadi penggerak untuk melahirkan insan yang ghaib dengan al-Quran, ber-lumba-lumba untuk meningkatkan darjat kalmah suci ini," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian sempena Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan di Perdana Resort, yang menyaksikan Datuk Adnan Hashim kekal sebagai pengerusi.

Hadir sama, Pengurus Cawangan Sinar Harian Kelantan, Surena Md Noor.



Sebahagian peserta Mesyuarat Persatuan Rumah Ngaji Kelantan yang hadir semalam.



Peserta yang hadir memulakan program perniagaan dan jawatankuasa baharu persatuan.



Adnan (tengah, kanan) menyerahkan simbol Quran kepada Azhar.



Sesibagai menyokong program yang dijalankan Rumah Ngaji demi mencapai redha Allah.



Mendekahi agar malam penubuhan Persatuan Rumah Ngaji Kelantan berjaya dilaksanakan.




Masing-masing akan mendengar amaran disampaikan oleh Azhar.

RUMAH AL QURAN LANDASAN KEHIDUPAN
ngaji

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN
24 MAC 2018



Tahniah
Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad



HAYATI KEPINTARAN ROHANI

Oleh : Mohd Zain bin Mubarak

Kecemerlangan dan kejayaan sesuatu bangsa serta negara adalah bergantung kepada kekuatan sumber manusia yang dimiliki. Kekuatan yang dimaksudkan di sini ialah dalam aspek keilmuan merangkumi ilmu mengurus diri (fardu ain) dan ilmu mengurus sistem (fardu kifayah), aspek pemikiran atau sikap yang positif serta kefahaman terhadap hakikat diri yang akan menterjemahkan kesempurnaan insan dalam kerangka syariat yang syumul. Allah SWT berfirman dalam surah al-Tin ayat 4 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami (Allah) telah menciptakan (jenis) manusia itu dalam sebaik-baik kejadian (sebaik-baik cara kami menjadikan sesuatu dengan lengkap sesuai dengan keadaannya)".

Hakikat kejadian manusia melalui dua unsur jasmani dan rohani menggambarkan anugerah ciptaan bernilai oleh Allah SWT yang harus difahami bagi menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis dalam memenuhi tanggungjawab dan mengharungi liku-liku perjalanan hidup di dunia. Pada diri manusia terdapat tiga komponen utama iaitu akal, hati dan jasmani. Ketiga-tiganya mempunyai peranan tersendiri dan memerlukan keupayaan individu untuk memenuhi dan mengimbangi tuntutan komponen tersebut agar dapat bergerak seiring dan bergandingan antara satu sama lain.

Akal merupakan anugerah Allah SWT yang paling agung kepada manusia untuk mereka menghasilkan suatu tamadun kehidupan yang berbeza dengan makhluk yang lain. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

"Allah akan mengangkat darjat orang-orang yang beriman dalam kalangan kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat"

Kemampuan akal untuk berfungsi dengan baik bergantung kepada manifestasi kualiti dan kuantiti ilmu yang diperolehi. Wahyu pertama melalui surah al-Alaq jelas menekankan kepentingan mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan untuk menjadi umat yang kuat dan berjaya. Tanpa mengira status atau kedudukan seseorang itu dalam masyarakat, kesedaran dan tindakan

untuk mempertingkatkan ilmu dari semasa ke semasa adalah menjadi tanggungjawab semua.

Islam menuntut umatnya supaya cintakan ilmu dan sentiasa berusaha untuk menambahkan pengetahuan sama ada yang berkaitan dengan agama, pekerjaan, kehidupan dan sebagainya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud:

"Katakanlah; Adakah sama orang-orang yang mengetahui (berilmu) dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah (berilmu) yang dapat menerima pengajaran"

Nilai keilmuan atau keintelektualan pula memerlukan kepada kepintaran rohani setiap individu Muslim untuk menjustifikasikan segala bentuk konflik naluri yang berlaku dalam seribu macam dugaan dan cabaran kehidupan masa kini. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Ketahuilah sesungguhnya dalam jasad itu ada seketul daging, jika baik daging itu maka baiklah jasad keseluruhannya dan jika buruk daging itu maka rosaklah keseluruhan jasad, daging tersebut ialah hati" (Hadis Riwayat Muslim).

Sesungguhnya akal dan ilmu seseorang itu membolehkannya membezakan antara baik dengan buruk, namun hati atau imanlah yang menentukan sejauh mana kemampuan untuk mengawal diri daripada terjebak dengan unsur negatif.

Penekanan Islam terhadap iman dan taqwa merupakan keperluan dharuri individu Muslim untuk menjadikan mereka modal insan yang mempunyai jati diri dan mampu menghadapi cabaran semasa. Kekuatan ini jelas menjadi suatu keistimewaan dan senjata yang perlu disemat dalam jiwa masyarakat melalui pelbagai pendekatan secara berterusan. Jika soal integriti dijadikan contoh, mungkin tindakan tatatertib boleh menjadi suatu mekanisme pencegahan yang baik namun sebagai orang Islam, kesedaran dalam keimanan itu lebih berkesan dan berperanan untuk memelihara mereka daripada terlibat dengan perkara negatif.

Dr. Yusuf al-Qaradawi telah mendefinisikan iman sebagai kepercayaan yang meresap ke dalam hati, dengan penuh keyakinan, tidak bercampur syak dan ragu, serta mempengaruhi cara berfikir, tingkah laku dan perbuatan sehari-hari. Pernyataan ini jelas menggambarkan bahawa iman bukan sahaja berperanan dalam membentuk hubungan *ruhiyyah* manusia dengan Allah SWT tetapi juga sebagai pemangkin yang mencorakkan pemikiran dan tindakan seseorang ke arah yang positif dalam segala aspek yang berkaitan dengan kehidupannya. Orang yang beriman juga ialah mereka yang bertanggungjawab, berakhlak, rajin, berilmu, kreatif, inovatif, berdaya saing, senang didampingi masyarakat dan bermacam sifat positif yang lain.

Akal yang cerdas dan baik terletak pada jasmani yang sihat. Justeru Islam tidak mengabaikan aspek fizikal atau material dalam mewujudkan suatu keseimbangan untuk kesejahteraan manusia. Kualiti umat Islam juga amat bergantung kepada kesejahteraan jasmani dari aspek kesihatan dan makanan. Isu halal haram atau syubhan mengenai produk, pemakanan dan gaya hidup sihat perlu diberi perhatian dan sokongan oleh segenap lapisan masyarakat kerana ia merupakan tuntutan agama dalam

konteks memelihara diri daripada kemudaratan dalaman dan luaran.

Pembentukan modal insan berkualiti adalah bertunjangkan kepada kepintaran rohani yang bersifat universal dan praktikal, bukan dilihat dalam konteks spiritual semata-mata. Kepintaran untuk memahami konsep pengabdian terhadap lllahi yang dapat membentuk budaya pemikiran dan sikap yang positif, berusaha dan bertawakal, menerima tanggungjawab atau kesusahan sebagai ujian Allah, yakin kepada qada dan qadar, kasih sayang dan persaudaraan Islam sebagai asas penghasilan kerja kolektif, cekap dan komited (itqan), berlapang dada, menjauhi penyakit hati seperti hasad dengki dan sebagainya.

Kepintaran rohani ini perlu dihayati oleh setiap individu serta perlu dijana melalui pengisian dan peringatan rohani yang berterusan. Ia penting bagi memenuhi tanggungjawab kita sebagai khalifah bagi mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan hidup di muka bumi dalam konteks pekerjaan serta peranan kita sehari-hari. Kepintaran yang membolehkan kita memahami keperluan dan menguasai permasalahan emosi serta material secara seimbang dan harmoni dalam kerangka Islam yang hakiki.

BERITA

SUMBANGAN ZAKAT RM 50,000 BANK ISLAM



KOTA BHARU, 6 Jun 2018 – Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah menyampaikan sumbangan zakat sebanyak RM 50,000 untuk asnaf pelajar UMK. Majlis yang berlangsung di Hotel Perdana Kota Bharu baru-baru ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar dan Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh wakil Bank Islam kepada Naib Canselor UMK. Majlis diakhiri dengan majlis berbuka puasa dan sesi bergambar.

KUNJUNGAN RUMAH NGAJI KELANTAN KE PUSAT ISLAM



BACHOK, 18 Mac 2018 – Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan buat julung kalinya mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Islam UMK. Kunjungan persatuan berkenaan adalah dalam rangka menjalinkan hubungan dengan Pusat Islam dalam mengadakan pelbagai program secara bersama. Pada pertemuan tersebut, kedua-dua pihak melahirkan rasa teruja dan berharap agar usaha dalam penerapan budaya membaca Al-Quran dapat dipupuk dalam kalangan warga UMK. Rombongan diketuai oleh Datin Norhani binti Mohd Affandi, Timbalan Pengerusi Persatuan Rumah Ngaji Kelantan, Puan Surena binti Mohd Noor, Pengurus Karangkrif Network Kelantan dan beberapa orang ahli Persatuan Rumah Ngaji Kelantan itu disambut oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad.

PEMBENTANGAN WAKAF BERSAMA PENGURUSAN MAIK



Pusat Islam UMK telah dijemput membuat perbentangan kali kedua wakaf kepada pihak pengurusan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Majlis yang berlangsung pada 10 April 2018 itu dihadiri oleh Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar, Naib Canselor UMK, Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dan Prof. Madya Dr Mohd Zain bin Mubarak, Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK serta Che Yusri bin Awang, Timbalan Bendahari UMK. Majlis yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MAIK Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi tersebut dihadiri pegawai wakaf MAIK, Ustazah Shakirah binti Mohamad dan beberapa orang wakil MAIK. Hasil daripada perbentangan tersebut, Pusat Islam UMK perlu mengemukakan perancangan Wakaf pendidikan@UMK kepada Jemaah Ulama'.

PEMBENTANGAN WAKAF KEPADA MAJLIS ULAMA'



Pusat Islam UMK telah dijemput untuk mengadakan pembentangan perancangan Wakaf Pendidikan@UMK kepada Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Majlis yang berlangsung pada 2 Mei 2018 itu dipengerusikan oleh Mufti Negeri Kelantan YB. Sahibul Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad dan dihadiri oleh 15 orang ahli Majlis Ulama' negeri Kelantan. Hadir bersama ialah Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr Mohd Zain bin Mubarak, Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK dan Ustaz Wan Mohd Amir bin Yusoff. Prof. Madya Dr Mohd Zain bin Mubarak yang membentangkan cadangan wakaf tersebut berharap wakaf UMK akan terlaksana di UMK dalam masa terdekat memandangkan kepentingannya kepada staf dan pelajar UMK.

KELAS ILMU / PENGAJIAN SISWI

Unit Helwa Pusat Islam UMK, telah menganjurkan Kelas Pengajian Siswi untuk pelajar muslimat UMK. Kelas yang diadakan secara berkala tersebut adalah berbentuk pengajian ilmu yang menerapkan hal-hal berkaitan dengan aqidah, fiqh, ibadah dan akhlak. Kelas tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar kerana ia diadakan di Pusat Islam yang sememangnya mempunyai ruang yang selesa di samping pengajian ilmu yang menarik daripada Pusat Islam. Selain itu, Klinik Al-Quran khusus kepada staf dan pelajar wanita turut diadakan selepas kelas pengajian ilmu tersebut. Penekanan ilmu tajwid dan makhraj huruf adalah matlamat paling utama dalam sesi Klinik Al-Quran tersebut. Kelas yang diadakan 2 kali seminggu tersebut turut dihadiri oleh staf UMK yang sama-sama ingin lebih mendalam ilmu berkaitan agama dan Al-Quran.



MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL ISLAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (JAHEIS)



KUALA LUMPUR, 12 Mac 2018 – Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (JAHEIS) telah bermesyuarat di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh semua wakil Pusat Islam Universiti Awan (UA) dan Swasta. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad dan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Ustaz Wan Mohd Amir Yusoff turut hadir ke mesyuarat tersebut. Menurut Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, mesyuarat tersebut banyak membincangkan berkenaan isu-isu pembangunan kerohanian serta pemantapan sahsiah warga kampus. Aspek kebajikan staf Pusat Islam di universiti juga dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

PELANTIKAN AMIL FITRAH 2018



Kota Bharu, 2 Mei 2018 - Pusat Islam UMK buat kali pertamanya menerima Sijil Amil Fitrah Khas dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pada majlis tersebut Sijil Tauliah disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua MAIK, Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi kepada wakil Pusat Islam, Ustaz Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady. Seramai 8 orang staf UMK dari ketiga-tiga kampus menerima sijil pelantikan Amil Khas Zakat Fitrah bagi bulan Ramadan 1439H.

KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM UMK KE PEJABAT AGAMA JAJAHAN BACHOK



KOTA BHARU, 8 Januari 2018 – Pusat Islam UMK telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Agama Jajahan (PAJ) Bachok. Rombongan tersebut diketuai oleh Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad serta lima orang staf. Ustaz Muhammad Arif bin Ahmad Tajudin, Pegawai Agama Jajahan Bachok telah menyambut rombongan tersebut. Pelbagai agenda telah dibincangkan pada pertemuan tersebut, termasuk cadangan menganjurkan program secara bersama antara Pusat Islam UMK dengan Pejabat Agama Jajahan Bachok. Pertemuan tersebut dilihat positif dalam agenda pemantapan nilai-nilai sahsiah dan pemahaman agama dalam kalangan warga Bachok amnya, dan UMK khususnya.

KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM UMK KE JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN

KOTA BHARU, 25 Januari 2018 – Pusat Islam UMK telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK). Rombongan tersebut diketuai oleh Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad serta 5 orang staf dan disambut oleh YB. Dato' Haji Che Rahim Jusoh, Pengarah JAHEAIK.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Pusat Islam UMK telah mengadakan perbincangan hubungan kerjasama dua hala antara UMK dan JAHEAIK. Pengarah JAHEAIK mencadangkan agar Pusat Islam UMK dapat menjadi pemangkin kepada program pengajian bermodul di masjid-masjid terpilih sekitar negeri Kelantan serta penganjuran program/aktiviti kerohanian/pembangunan sahsiah masyarakat. Pihak JAHEAIK juga mengalu-alukan sebarang bentuk program dan aktiviti seperti seminar, forum, ceramah dan sebagainya yang boleh dianjurkan bersama Pusat Islam UMK dengan JAHEAIK.

Perbincangan juga bersetuju agar program terdekat akan dianjurkan secara bersama antara Pusat Islam UMK dan Unit Pendidikan JAHEAIK adalah Seminar Isu-Isu Akidah di Media Sosial Peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2018 pada 7 Mac 2018. Di akhir pertemuan, YB. Dato' Haji Che Rahim bin Jusoh, Pengarah JAHEAIK bertukar-tukar cenderamata dengan Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK.

PUSAT ISLAM DIJEMPUT DALAM PROGRAM PROF@SCHOOL

Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaysia Kelantan telah menganjurkan Projek Prof @ School dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Bunut Susu, Pasir Mas pada 5 Julai 2018. Pusat Islam telah dijemput untuk mengisi slot ceramah pada program tersebut. Ustaz Binyamin bin Che Yaacob telah dilantik sebagai wakil Pusat Islam untuk memberi pengisian rohani kepada pelajar bertajuk "Adab Sebagai Pelajar Muslim". Beliau menekankan aspek adab ketika belajar untuk memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat. Program yang berlangsung dua hari tersebut melibatkan semua pelajar tahun enam yang bakal menduduki peperiksaan SPM iaitu seramai 200 orang. Hadir sama pada program tersebut ialah wakil Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMK Dr Nik Zulkarnaen bin Khidzir, Guru Besar Sekolah Menengah Kebangsaan Bunut Susu Tuan Haji Khairul Anwar bin Khairuddin.

UMK SEBAGAI UNIVERSITI ANGKAT ZAKAT (UAZ) SELANGOR



Pusat Islam UMK telah dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor sebagai penyelaras bagi program Universiti Angkat Zakat di UMK. Pada 24 Julai 2018 Ketua Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob telah menghadiri taklimat Lembaga Zakat Selangor kepada seluruh wakil Universiti Awam berkaitan Program Universiti Angkat Zakat. UMK mempunyai seramai 45 orang pelajar asnaf Selangor di bawah pembiayaan Lembaga Zakat Selangor. Pusat Islam diamanahkan untuk menganjurkan program-program keagamaan dan kemahiran insaniah kepada pelajar-pelajar asnaf Selangor dan dana zakat untuk menjalankan program akan disalurkan kepada Pusat Islam secara tahunan. Program yang berlangsung setengah hari itu melibatkan 200 orang wakil dari 22 Universiti Awam dan swasta. Pusat Islam UMK menyambut baik program tersebut dan akan merangka beberapa program khusus untuk pelajar asnaf Selangor di UMK.



Majlis KHATAM AL-QURAN PERDANA

Majlis Khatam Al-Quran Perdana UMK telah berlangsung pada 31 Mei 2018 bersamaan 15 Ramadan 1439H bertempat di Masjid UMK Bachok. Majlis ini dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Naib Canselor UMK, Lt. Kolonel Prof. Dr. Zaliman bin Sauli, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Encik Pauzi bin Pak Chu, Pendaftar UMK, Pegawai Kanan dan staf. Antara pengisian program pada majlis ini ialah khatam al-Quran, penyampaian sumbangan zakat, dan penyampaian sumbangan anak-anak yatim Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Siti Aminah, Pasir Pekan. Majlis ini berakhir dengan jamuan berbuka puasa beramai-ramai di ruang legar Masjid UMK Bachok.



Kutipan Zakat Fitrah

Pusat Islam UMK buat pertama kali telah membuat kutipan zakat fitrah pada Ramadan 1439H sejak dilantik menjadi amil zakat oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sebanyak 952 keping resit bersamaan RM6664.00 telah berjaya dikutip daripada pembayar zakat fitrah dari ketiga-tiga kampus. Kadar zakat fitrah bagi tahun 1439H adalah RM7 bagi negeri Kelantan. Zakat Fitrah dikutip selama sebulan dalam bulan Ramadan. Firman Allah "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat" - Surah An-Nur (ayat 56).



Info Sumbangan Ramadan 1439H

PROGRAM IHYA' RAMADAN 1439H UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DANA PROGRAM IHYA' RAMADAN 1439H

RM 23,467.72

PECAHAN

SUMBANGAN
RM 19,561.00

INFAQ
RM 3,906.72

BIL.	PROGRAM	PERBELANJAAN
1.	MAJLIS BERBUKA PUASA & MOREH (18 KALI MERANGKUMI SEMUA KAMPUS) *3 KALI SUMBANGAN KELAB KEBAJIKAN STAF UNIVERSITI (KKSU) *1 KALI SUMBANGAN PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR	RM18,267.72
2.	SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM (PELAJAR UMK & RUMAH ANAK YATIM DHUAFa')	RM 3,000.00
3.	MAJLIS KHATAM AL-QURAN	RM 1,200.00
4.	BAYARAN IMAM TERAWIH JEMPUTAN	RM 1,000.00

Tambahan :

- * Sumbangan moreh oleh McDonald's Malaysia
- * Sumbangan Majlis Berbuka Puasa oleh Noorhayati Cafe
- * Sumbangan beras dan gula oleh staf Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI)

Siri Ceramah Kuliah Zohor Ramadan

Sepanjang Ramadan, Pusat Islam telah mengadakan Siri Kuliah Zohor di setiap kampus. Selain ceramah dari staf Pusat Islam sendiri, para pensyarah juga turut diundang sebagai penceramah.

Daripada Abu Hurairah RA bawasanya Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga" (Hadith Riwayat Muslim)

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK BACHOK**

11 RAMADHAN/27 MEI - Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad (Pensyarah Pusat Islam UMK)
4 RAMADHAN/20 MEI - Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak (Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK)
5 RAMADHAN/21 MEI - Dr. Noor Hisham Bin Md Nawi (Pensyarah Kanan / Timbalan Pengarah Akademik & Antarabangsa PPSB)
6 RAMADHAN/22 MEI - Dr. Nik Yusri Bin Musa (Ketua Jabatan Sains Kemahiran / Pensyarah Kanan PPSB)
7 RAMADHAN/23 MEI - Prof. Madya Dr. Nur Asuki Bin Yusoff (Profesor, Madya, PPSB)
8 RAMADHAN/24 MEI - Dr. Burhan Bin Che Daad (Pengarah / Pensyarah Kanan PPSB)
11 RAMADHAN/27 MEI - Prof. Madya Dr. Kamaruzzaman Bin Abdul Ghani (Profesor, Madya, PPSB)

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK BACHOK**

12 RAMADHAN/28 MEI - Dr. Nazeer Bin Ismail (Timbalan Pengarah Pusat Pengangan & Pembangunan Besar / Pensyarah Kanan)
14 RAMADHAN/30 MEI - Dr. Mansor Bin Ismail (Pensyarah Kanan, PPSB)
15 RAMADHAN/31 MEI - Dr. Ahmad Bin Abdul Rahman (Ketua Jabatan Bahasa Ketiga / Pensyarah Kanan, PPSB)
19 RAMADHAN/4 JUN - Dr. Noor Hisham Bin Md Nawi (Pensyarah Kanan / Timbalan Pengarah Akademik & Antarabangsa PPSB)
20 RAMADHAN/5 JUN - Dr. Nik Yusri Bin Musa (Ketua Jabatan Sains Kemahiran / Pensyarah Kanan PPSB)
21 RAMADHAN/6 JUN - Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad (Pensyarah Pusat Islam UMK)
22 RAMADHAN/7 JUN - Ust. Wan Mohd Amir Bin Yusoff (Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan)

UMK BACHOK

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK KAMPUS KOTA**

1 RAMADHAN/17 MEI - Ust. Mohd Binayim bin Che Yaacob (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam)
4 RAMADHAN/20 MEI - Enck Mohd Adif Bin Mohd Alwi (Pensyarah FKP)
5 RAMADHAN/21 MEI - Enck Zul Karani Bin Che Musa (Pensyarah FKP)
6 RAMADHAN/22 MEI - Prof. Madya Dr. Zailani Bin Abdullah (Pensyarah FKP)
7 RAMADHAN/23 MEI - Dr. Mohd Zulkifli Bin Muhammad (Pensyarah Kanan FKP)
8 RAMADHAN/24 MEI - Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak (Timb. Pengarah Pusat Islam)
11 RAMADHAN/27 MEI - Dr. Azwan Bin Abdullah (Ketua Jabatan Perniagaan FKP)

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK KAMPUS KOTA**

12 RAMADHAN/28 MEI - Dr. Mohd Nazeer Bin Muhayiddin (Pengarah Pusat Ko-Kurikulum)
14 RAMADHAN/30 MEI - Dr. Nik Yusri Bin Musa (Ketua Jabatan Sains Kemahiran PPSB)
15 RAMADHAN/31 MEI - Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail (Pensyarah Kanan FKP)
19 RAMADHAN/4 JUN - Prof. Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob (Dekan FKP)
20 RAMADHAN/5 JUN - Ust. Zakwan Che Musa (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam)
21 RAMADHAN/6 JUN - Ust. Wan Mohd Amir Bin Yusoff (Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan)
21 RAMADHAN/7 JUN - Ust. Mohd Binayim bin Che Yaacob (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam)

KAMPUS KOTA

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK KAMPUS JELI**

4 RAMADHAN/20 MEI - Ustaz Mohd Hafiduddin bin Mat Nazir (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam)
5 RAMADHAN/21 MEI - Ustaz Ahmad Zaki bin Amiruddin (Pensyarah PPSB)
6 RAMADHAN/22 MEI - Ustaz Mohd Shaheer bin Abu Bakar (Pensyarah PPSB)
7 RAMADHAN/23 MEI - Ustaz Mohd Khalid El-Muhammady (Pegawai Hal Ehwal Islam)
8 RAMADHAN/24 MEI - Dr. Zul Ariff bin Abdul Latiff (Pensyarah Kanan FKP)
11 RAMADHAN/27 MEI - Ustaz Muhammad Husni bin Kamaruddin (Pembantu Hal Ehwal Islam)

**JADUAL KULIAH ZOHOR RAMADAN 1439H
PUSAT ISLAM UMK KAMPUS JELI**

12 RAMADHAN/28 MEI - Ustaz Ahmad Zaki bin Amiruddin (Pensyarah PPSB)
14 RAMADHAN/30 MEI - Ustaz Ahmad Zaki bin Amiruddin (Pensyarah PPSB)
15 RAMADHAN/31 MEI - Ustaz Mohd Shaheer bin Abu Bakar (Pensyarah PPSB)
19 RAMADHAN/4 JUN - Ustaz Wan Ab Aziz bin Wan Daad (Pensyarah PPSB)
20 RAMADHAN/5 JUN - Ustaz Mohd Khalid El-Muhammady (Pegawai Hal Ehwal Islam)
21 RAMADHAN/6 JUN - Dr. Zul Ariff bin Abdul Latiff (Pensyarah Kanan FKP)
22 RAMADHAN/7 JUN - Ustaz Mohd Hafiduddin bin Mat Nazir (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam)

KAMPUS JELI



BERITA

KUNJUNGAN YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM) KE PUSAT ISLAM

KOTA BHARU, 27 Februari 2018 – Pusat Islam UMK telah menerima kunjungan daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Rombongan diketuai oleh Nurul Hakim binti Che Ab. Aziz, Pengurus Besar Akademi Pengurusan YAPEIM Sdn. Bhd. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata kunjungan oleh YAPEIM ke Pusat Islam UMK merupakan kunjungan yang pertama dan banyak isu yang dibincangkan semasa kunjungan tersebut. Beliau memaklumkan bahawa salah satu agenda yang penting dibincangkan semasa kunjungan tersebut adalah cadangan pengajuran bersama seminar kerohanian beragama yang akan dilaksanakan di UMK. Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad mengucapkan terima kasih di atas kesudian pihak YAPEIM berkunjung ke Pusat Islam UMK dan mengharapkan jalinan kerjasama sebegini akan berterusan di masa hadapan.





KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM UMK KE YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

KOTA BHARU, 30 Januari 2018 - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Kelantan telah dikunjungi oleh Pusat Islam UMK. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, kunjungan hormat Pusat Islam UMK ke YADIM merupakan aktiviti tahunan bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta membincangkan program/aktiviti dalam bentuk kerjasama antara dua agensi ini. Beliau berkata, beberapa tahun kebelakangan ini banyak program/aktiviti yang telah dianjurkan secara bersama sama ada pihak YADIM dengan Pusat Islam UMK mahupun pelajar UMK. Hubungan dua hala ini banyak memberikan manfaat terutamanya kepada pembangunan insan pelajar hasil daripada penganjuran program/aktiviti. Menurut beliau lagi, pihak YADIM Kelantan yang diketuai oleh Ustaz Mahadi Awang telah bersetuju untuk mengadakan program kerjasama dalam masa terdekat iaitu Wacana Perpaduan Muslim yang dijangka diadakan pada bulan Mac 2018. Sehubungan dengan itu, kerjasama antara Pusat Islam UMK dengan YADIM akan lebih diperkukuhkan dengan kewujudan Kelab Sahabat YADIM yang dianggotai pelajar UMK.



KURSUS PRA-PERKAHWINAN

KOTA BHARU, 7 April 2018 - Kursus Pra Perkahwinan adalah program tahunan Pusat Islam UMK. Pada tahun ini Kursus Pra Perkahwinan telah dijalankan secara serentak di kedua-dua kampus iaitu Kampus Kota dan UMK Bachok yang dijalankan pada 6 dan 7 April 2018. Sebanyak 150 orang pelajar UMK telah menyertai kursus yang berlangsung selama dua hari tersebut. Kursus ini adalah kerjasama antara Pusat Islam UMK dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Kursus ini dilihat amat penting bagi menerapkan ilmu-ilmu rumah tangga dalam persediaan menghadapi alam perkahwinan dan ia juga amat bermanfaat untuk memberi kesedaran tentang masalah gejala sosial dalam kalangan pelajar. Kursus ini juga telah mendapat sambutan dalam kalangan staf dan warga UMK dan rata-rata yang hadir memberi respons yang positif dan berharap agar kursus ini diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

KENALI STAF

Sudut Kenali Staf pada kali ini memperkenalkan Ustaz Hj. Nik Mohd Idham Shah bin Hj. Nik Mohamed. Beliau berasal dari Kampung Langgar, Kota Bharu merupakan anak bongsu dari 15 orang adik-beradik. Beliau telah melangsungkan perkahwinan dengan Hasnolaili Shamsuniwati binti Mat Yaacob dan mempunyai 3 orang cahaya mata. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Islah dan seterusnya Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Ali, Kuala Lumpur untuk pendidikan menengah. Berlatar belakangkan keluarga yang memiliki pegangan agama yang kuat, beliau yang sejak kecil lagi begitu meminati ilmu agama telah memilih untuk berhijrah ke Makkah iaitu di Bukit Aj-Jiyad demi mendalami ilmu agama selepas menamatkan zaman persekolahan. Setelah selesai pengajian di Makkah, beliau kemudiannya pulang menyambung pengajian pondok di Pattani iaitu di Madrasah Miayarul Ulum, Pattani, Thailand bermula tahun 2003 hingga 2006. Setelah menamatkan pengajian agama, beliau kemudian berhijrah ke Kuala Lumpur memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Rendah Islam Al-Amin dan menjadi Imam di Masjid Bandar Permaisuri, Cheras. Peribadi beliau yang peramah dan mesra dengan masyarakat menjadikan beliau amat disenangi sepanjang berkhidmat di masjid berkenaan. Dengan perasaan berat hati meninggalkan tugas imam di masjid, beliau kemudiannya membuat keputusan untuk pulang ke Kelantan untuk lebih dekat bersama ahli keluarga beliau. Pada tanggal 15 Ogos 2007, beliau memulakan khidmat beliau di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota di bawah Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UNIPEN) pada waktu itu yang kini dikenali sebagai Pusat Islam. Seorang yang sangat menjaga hubungan dengan rakan-rakan telah menjadikan beliau begitu dikenali di UMK. Semoga beliau terus maju jaya dan terus memberikan khidmat terbaik untuk UMK.



Ustaz
NIK MOHD
IDHAM
SHAH
BIN NIK MOHAMED

Pembantu
Hal Ehwal Islam
Pusat IslamUMK

LUAR NEGARA



STAF PUSAT ISLAM BERSAMA PROGRAM KEMBARA BUMI ANBIYA' MAKKAH DAN MADINAH

MAKKAH, 26 April 2018 – Seramai 3 orang staf Pusat Islam UMK telah ditugaskan sebagai pegawai pengiring Program Kembara Bumi Anbiya II di Makkah dan Madinah. Mereka adalah Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob, Ustaz Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed dan Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz yang mewakili ketiga-tiga kampus. Program yang melibatkan 40 orang peserta tersebut telah berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada jam 5.00 pagi pada 15 April 2018. Selama 11 hari program dijalankan, program yang dianjurkan kelab Jawatankuasa Teman UMK tersebut telah mengadakan pelbagai aktiviti di Tanah Haram disamping mengerjakan ibadah umrah. Antara program yang telah dijalankan adalah Perkongsian Ilmu Bersama Usahawan Malaysia di Arab Saudi, perjumpaan bersama pelajar-pelajar Universiti Madinah dan Ummul Qura, majlis khatam Al-Quran, lawatan ke tempat sejarah Islam, dan lain-lain lagi. Program yang merupakan kali kedua diadakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan staf UMK. Menurut Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob selaku Ketua Pegawai Pengiring, beliau melahirkan rasa syukur dan gembira di atas penganjuran program sebegini dan berharap dapat diteruskan lagi sekurang-kurangnya menjadi acara dwi tahunan universiti.



USTAZ BINYAMIN DILANTIK PRESIDEN KKSU

KOTA BHARU, 15 Mac 2018 – Kelab Kebajikan Staf Universiti (KKSU) pada baru-baru ini telah melantik Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob daripada Pusat Islam sebagai Presiden KKSU yang baharu. Pelantikan tersebut merupakan satu kebanggaan kepada seluruh warga Pusat Islam yang mana ia adalah satu penghormatan dalam mengemudi sebuah kelab yang penting di universiti. Dalam majlis tersebut, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob yang juga Imam di Masjid UMK Bachok melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas pelantikan tersebut dan mengajak semua staf agar bersama-sama beliau dalam usaha memperkasakan lagi kelab tersebut.

PUSAT ISLAM KETUAI TAKBIR RAYA UMK



BACHOK, 12 Jun 2018 – Menjelang 1 Syawal yang bakal tiba, pada tahun ini Pusat Islam telah dijemput untuk mengetuai rakaman takbir raya UMK yang dianjurkan oleh UMKTU. Rakaman yang berdurasi selama 14 minit tersebut telah diadakan di sekitar tasik UMK Bachok yang akan dimuat naik ke laman web rasmi universiti dan ke laman *youtube* UMKTU. Turut hadir pada sesi rakaman tersebut ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Zaliman bin Sauli, Timbalan Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak, Ketua-Ketua Jabatan dan staf UMK.



EMPAT PELAJAR PRAKTIKAL USIM DI PUSAT ISLAM

BACHOK, 4 Februari – Empat orang pelajar praktikal dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melapor diri dan memulakan latihan di Pusat Islam UMK bermula 4 Februari hingga 25 Mei 2018. Mereka adalah Ena Ezramatul Aisyah binti Marzuki dan Ariza Shakiera binti Ahmad Rashidi yang ditempatkan di PIUMK Bachok. Manakala Nur Syahirah binti Yaacob dan Nurfarah Izzati binti Zainudin berada di PIUMK Kampus Jeli. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata kehadiran pelajar-pelajar tersebut sedikit sebanyak dapat membantu Pusat Islam dalam melaksanakan pelbagai aktiviti baik untuk staf mahupun pelajar UMK. Ia juga dapat menjadi latihan bagi para pelajar praktikal tersebut sebelum menceburkan diri ke dunia pekerjaan sebenar nanti. Pelajar praktikal tersebut telah ditugaskan dalam membantu urusan pejabat dan juga terlibat dalam program-program yang telah dijadualkan oleh Pusat Islam.

MESYUARAT WAKAF ASRAMA JELI



JELI, 4 Januari 2018 - Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar telah mempengerusikan suatu mesyuarat dan taklimat mengenai cadangan pembinaan asrama pelajar UMK Kampus Jeli melalui pendekatan wakaf bersama pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di UMK Kampus Jeli. Turut hadir pada mesyuarat tersebut Timbalan Yang Dipertua MAIK iaitu Dr. Hj. Nik Mohd Azlan Abdul Hadi, Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dan wakil pihak pengurusan UMK. Dalam pertemuan tersebut beberapa perkara dan penjelasan diutarakan oleh kedua-dua belah pihak mengenai bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan khususnya cadangan pembinaan asrama pelajar melalui kaedah wakaf.

LAPORAN MAJLIS BUDAYA ILMU (MBI)



Majlis Budaya Ilmu adalah salah satu program kerohanian berbentuk tazkirah untuk staf UMK yang dianjurkan oleh Pusat Islam. Dalam usaha penerapan ilmu-ilmu agama kepada staf, majlis tersebut diadakan sebanyak dua kali sebulan iaitu dilakukan pada hari Khamis yang diadakan selama satu jam. Tazkirah disampaikan oleh staf Pusat Islam diketiga-tiga kampus. Isi kandungan tazkirah juga tidak lari daripada menfokuskan hal-hal pekerjaan, ibadah, akhlak, aqidah dan lain-lain lagi dalam usaha menjadikan staf universiti yang mantap dalam segenap aspek keilmuan.

Jadual MBI

Februari	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan solat
Mac	<ul style="list-style-type: none"> • Kelebihan Solat Berjemaah • Sedekah/Zakat Murahkan Rezeki
April	<ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa Isra' Mikraj • Nisfu Syaaban
Mei	<ul style="list-style-type: none"> • Marhaban Ya Ramadan • Ramadan Yang Dirindui
Jun	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan Menyambut Syawal • Kelebihan Puasa Enam
Julai	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja suatu Ibadah • Kebersihan Separuh Daripada Iman
Ogos	<ul style="list-style-type: none"> • Ibadah Haji • Korban Tanda Syukur
September	<ul style="list-style-type: none"> • Muharram (Yaumun Aasyuraa) • Peristiwa Hijraturrasul
Oktober	<ul style="list-style-type: none"> • Penghayatan Sifat Dua Puluh • Kelebihan Membaca Al-Quran
November	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi Hamba Yang Bersyukur • Maulidurrasul

PENUBUHAN KELAB KEBAJIKAN STAF PUSAT ISLAM (KPI)



BACHOK, 5 Julai 2018 –Kelab Kebajikan Staf Pusat Islam (KPI) dengan rasminya telah ditubuhkan pada 5 Julai 2018. Kelab tersebut dianggotai oleh semua staf Pusat Islam dari ketiga-tiga kampus yang mana bertujuan untuk memberi bantuan kebajikan, di samping mengadakan pelbagai aktiviti secara santai untuk staf Pusat Islam. Pada majlis tersebut, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob yang mendapat undian terbanyak telah dilantik sebagai Presiden Kelab, manakala Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Nazir dan Ustaz Muhammad Husni bin Kamaruddin telah dilantik sebagai Setiausaha dan Bendahari Kelab.

LENSA@PIUMK



Iftar Jam'ie



Iftar Jam'ie



Usrah



Muzakarah Nuqaba'



Tadarus Al-Quran



Pengenalan JT Minggu 3M

AKTIVITI KELAB

JAWATANKUASA TEMAN PUSAT ISLAM



Kelas Al-Qur'an



Mesyuarat Agung Tahunan



Pelantikan Ahli Baru



**PUSAT ISLAM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
Beg Berkunci No 01,
16300 Bachok
Kelantan
Tel: +609-779 7474**

 **PUSAT ISLAM UMK**